

MAHATHIR-SIMPANAN (1)

KUALA LUMPUR, 15 MAC. (BERNAMA)--- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN SUPAYA BEKERJASAMA ANTARA SATU DENGAN LAIN DALAM SEMUA BIDANG BAGI MEWUJUDKAN SATU PERATURAN BARU PERDAGANGAN, KEWANGAN DAN PELABURAN ANTARABANGSA YANG AKAN MEMBERI FAEDAH LANGSUNG KEPADA MEREKA. ---

PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN TIDAK LAGI DAPAT BERGANTUNG KEPADA NEGARA-NEGARA PERUSAHAAN UNTUK MEMPASTIKAN PENCAPAIAN TARAF HIDUP YANG LEBIH TINGGI BAGI RAKYAT MEREKA.

BELIAU BERUCAP MERASMIKAN SIMPOSIUM ANTARABANGSA KEDUA MENGENAI MOBILISASI SIMPANAN PERSEORANGAN DALAM NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN YANG DIANJURKAN OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU DI SINI.

KIRA-KIRA 100 ORANG PERWAKILAN DARI 50 NEGARA MENYERTAI SIMPOSIUM LIMA HARI INI. ---BERSAMBUNG 1300 / RD

B534

MAHATHIR-SIMPANAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TAHUN 1980-HAN BERMULA DENGAN SUATU KEADAAN YANG MENYUKARKAN BAGI NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA.

NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN BERHADAPAN DENGAN SUASANA BERSETERU AKIBAT DARI SIKAP MENJAGA KEPENTINGAN SENDIRI DAN KURANGNYA PERMINTAAN BAGI BARANGAN-BARANGAN UTAMANYA DARI NEGARA-NEGARA MAJU.

KATANYA INFLASI YANG TERTERUSAN DI NEGARA-NEGARA YANG MAJU JUGA TELAH MENGAKIBATKAN KENAIKAN MEMUNCAK BARANG-BARANG MODAL YANG DIPERLUKAN OLEH NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN. --- BERSAMBUNG 1255 / RD

MAHATHIR-SIMPANAN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA TANDA-TANDA SUATU PERUBAHAN STRUKTUR YANG BERKESAN SEDANG DIBUAT OLEH NEGARA-NEGARA UTAMA INDUSTRI BAGI MENGATASI KESAN INELASI YANG BERPANJANGAN DALAM TAHUN 70-HAN YANG MEREKA TEMPIASI KEPADA NEGARA-NEGARA YANG LAIN.

KATANYA JIKA NEGARA-NEGARA MAJU ENGGAN MEMBUAT PERUBAHAN, KESAN DARIPADA TINDAKAN MEREKA ITU KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN AMAT SERIUS.

BELIAU MERAMALKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA LUAR OPEC MUNGKIN DAPAT MENAIKKAN KELUARAN KASAR NEGARA (KKN) DENGAN HANYA EMPAT PERATUS ATAU MALAH KURANG DARIPADA ITU DALAM TAHUN 1980-HAN BERBANDING DENGAN ENAM DAN LIMA PERATUS DALAM 1960-HAN DAN 1970-HAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN YANG MENURUN ITU AKAN BERLAKU MESKIPUN PROSPEK PERKEMBANGAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA YANG LEMBAB DAN BANTUAN PEMBANGUNAN KEPADA NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN YANG AKAN MEWUJUDKAN KEADAAN YANG SUKAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN PROSPEK EKONOMI YANG SURAM ITU PERLU SEKALI NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN BERUSAHA MEMBANTU SESAMA SENDIRI. ---BERSAMBUNG 1319 / RD

MAHATHIR - SIMPANAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENJELASKAN PELABURAN ASING HANYA MEMAINKAN PERANAN TERHAD SAHAJA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA.

BELIAU MENGGESA MEREKA SUPAYA MENGGEMBLENG SUMBER-SUMBER MEREKA BAGI MEMENUHI KEPERLUAN SENDIRI DAN BERDIKARI.

BELIAU MENYATAKAN PENGUMPULAN SIMPANAN -- TERUTAMA DARI SEKTOR RUMAHTANGGA -- DAN PENYALURAN SUMBER KEWANGAN INI KEPADA PERUSAHAAN KECIL HARUS MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA SEBARANG RANCANGAN PEMBANGUNAN.

MENGENAI KETIDAKSEIMBANGAN DALAM PERDAGANGAN ANTARABANGSA, PERDANA MENTERI MENEGUR NEGARA-NEGARA MAJU YANG MEMPENGARUHI HARGA BAHAN-BAHAN UTAMA BAGI KEPENTINGAN SENDIRI.

UNTUK MENGATASI KEADAAN TIDAK ADIL INI, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN PERLU Mencari jalan untuk memasuki pasaran.

+MEREKA HARUSLAH BERBUAT DEMIKIAN BUKAN SECARA INDIVIDU TETAPI DENGAN BEKERJASAMA ANTARA SATUSAMA LAIN,+ TEGASNYA.

--BERSAMBUNG 1404/AH

MAHATHIR - SIMPANAN 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MANIPULASI DAN KETIDAKSEIMBANGAN ANTARABANGSA DALAM PERDAGANGAN MEMPUNYAI KESAN PENTING KE ATAS SIMPANAN DALAM NEGERI.

BELIAU BERHARAP PARA PESERTA SIMPOSIUM AKAN MENGAMBIL KIRA HAL INI UNTUK MEMIKIRKAN CARA-CARA BAGI MENGGEMBLENGKAN SIMPANAN PERIBADI. --BERNAMA 1406/AH